

IQRA'

Bil. 4/2022
APRIL

eISBN : 2735-1920



**Majlis Sanjungan Budi Ketua Pustakawan
Ts. Noor Hidayat bin Adnan**
PTAR Shah Alam - muka 4




**Program Khidmat Masyarakat: Kongsy
Rezeki Bubur Lambuk & Pek Ramadan**
PTAR Jasin - muka 14



**Live@PTAR: Tazkirah Ramadan -
Keutamaan 10 malam Terakhir Ramadhan**
PTAR Kuala Terengganu - muka 17



Jom Baca Bersama 10 Minit@PTDI
PTAR Segamat - muka 30



Quran Hour@PST
PST Shah Alam - muka 38

PROMOSI@PTAR



**LIVE@PTDI: PROGRAM BERSAMA PENULIS BUKU –
MUHAMMAD BUKAN PENDUSTA: MEMBONGKAR FITNAH
DAN PEMBOHONGAN ATAS NAMA NABI MUHAMMAD S.A.W
14 APRIL 2022**

Disediakan oleh: Roslan bin Mohd Nor

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN DR ISMAIL
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR**

LIVE@PTDI
PROGRAM BERSAMA PENULIS BUKU
**MUHAMMAD BUKAN PENDUSTA :
MEMBONGKAR FITNAH DAN PEMBOHONGAN
ATAS NAMA NABI MUHAMMAD S.A.W**

**14 APRIL
2022**
**KHAMIS
2.00
PETANG**

MODERATOR
CIK FATIN NURALIAH HAMIZ
PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

PANEL
PUAN RUDZA HANIM MOHAMED ANUAR
PENSYARAH KANAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

jam latihan disediakan
Meningkatkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

STAY CONNECTED



**Untuk menonton
semula:**



Suatu tamadun atau bangsa hanya dapat dibina melalui masyarakat yang mengamalkan budaya ilmu. Salah satu cara untuk membina budaya ilmu dalam sesebuah masyarakat ialah melalui amalan membaca yang berterusan.

Pada 14 April 2022 yang lalu, jam 2.00 hingga 3.00 petang, PTDI telah melaksanakan program *Bicara Bersama Penulis: Muhammad Bukan Pendusta: Membongkar Fitnah dan Pembohongan Atas Nabi Muhammad SAW*. dengan menjemput seorang penulis dari kalangan pensyarah UiTM Johor yang aktif dalam penulisan buku iaitu Puan Rudza Hanim Bt. Mohamed Anuar, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan manakala moderator ialah Cik Fatin Nuraliah Hamiz, Pelajar Latihan Industri.

Antara objektif program adalah:

1. Membudayakan program ilmiah berteraskan pembedayaan galakan membaca.
2. Menjadikan program *Read@UiTM* sebagai satu norma baru dalam melaksanakan program berbentuk ilmiah.
3. Meningkatkan ketampakan Perpustakaan Tun Dr. Ismail dari usaha-usaha pembedayaan ilmu.
4. Menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembedayaan ilmu.

Dalam Program *Bicara Bersama Penulis* ini, Puan Rudza Hanim telah membedah buku hasil nukilan beliau iaitu *Muhammad Bukan Pendusta: membongkar Fitnah dan Pembohongan Atas Nabi Muhammad SAW*. yang dihasilkan bersama suami beliau sendiri. Buku ini membawa penonton untuk merenung dan bermuhasabah mengenai fitnah-fitnah dan pembohongan yang telah dilemparkan terhadap Nabi Muhammad SAW.

Program ini berakhir dengan sesi penyampai cenderahati dari Puan Rudza Hanim iaitu buku yang ditan-datangani sendiri oleh beliau. Semoga segala ilmu yang dikongsikan dapat menambahkan lagi pengetahuan dan memberi manfaat kepada semua yang menonton.

